

ARAHAH PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 2/1982

**PERMOHONAN MEMILIKI DAN / ATAU MEMAJUKAN TANAH-TANAH
KERAJAAN UNTUK DIJADIKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH
OLEH AJENSI-AJENSI KERAJAAN.**

Pada masa ini semua permohonan untuk memaju dan / atau memiliki tanah Kerajaan oleh ajensi-ajensi Kerajaan seperti KESEDAR, FELDA, FELCRA, RISDA, TAKDIR, PKINK, YAKIN dan LUTH dibuat dan diproses oleh Jabatan ini.

2. Memandangkan bahawa Jabatan ini tidak mempunyai maklumat-maklumat yang lengkap mengenai tanah itu dan Jabatan ini tidak dapat mengambil tindakan susulan selepas permohonan itu diluluskan maka saya telah membuat keputusan bahawa mulai pada tarikh arahan ini dikeluarkan semua permohonan memiliki dan / atau memajukan tanah-tanah Kerajaan oleh Ajensi-Ajensi Kerajaan hendaklah diproses oleh Pejabat Tanah yang berkenaan.

3. Tata-cara mengenai permohonan dan pemerosesannya adalah sebagaimana berikut :-
 - (a) Ajensi yang memohon hendaklah membuat permohonan dengan menggunakan Borang di **Lampiran A** berkembar dan menghantarnya kepada Pemungut Hasil Tanah di mana tanah itu terletak dengan satu salinan kepada Pengarah Tanah Dan Galian, Kelantan.

 - (b) Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan hendaklah mengambil tindakan sebaik sahaja permohonan itu diterima dan memberitahu No.Fail pejabatnya kepada Jabatan ini.

 - (c) Pemungut Hasil Tanah hendaklah meminta pandangan daripada Jabatan-Jabatan yang terlibat dengan rancangan pembangunan tanah itu seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, Jabatan Parit dan Talair, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pejabat Galian Wilayah Timor dan lain-lain Jabatan yang difikirkan patut.

- (d) Selepas menerima pandangan daripada Jabatan-Jabatan yang berkenaan Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengangkat permohonan itu ke Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan untuk mendapatkan pengesyorannya
- (e) Menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan mengikut format di **Lampiran ‘B’** berkembar sebagai panduan dan menghantarnya ke Jabatan ini untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- (f) Bagi permohonan memajukan tanah di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-Ramai) 1960, tindakan untuk mewartakannya di bawah Seksyen 4 Akta itu hendaklah dijalankan.
4. Semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah memberi keutamaan ke atas permohonan memajukan tanah seperti ini dan mengambil tindakan segera berpandukan arahan di atas.

t.t

(**Ab.Hamid bin Hj. Abu Bakar**)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 10HB. MAC, 1982

FAIL: PTG.KN.SULIT BIL 8/71JLD.2/(36).

KEPADА:

Semua Pemungut Hasil Tanah
KELANTAN.

SALINAN KEPADA

1. YAB. Dato' Menteri Besar,
Kelantan, **KOTA BHARU**.
2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan, **KOTA BHARU**.
3. Pengurus Besar,
PKINK, Kota Bharu, **KELANTAN**.
4. Pen.Pengawal Wilayah FELDA,
Kota Bharu, **KELANTAN**.
5. Ketua Pegawai FELCRA Negeri,
Kelantan, **KOTA BHARU**.
6. Pegawai RISDA,
Kelantan, **KOTA BHARU**.
7. Pengarah TAKDIR,
Kelantan, **KOTA BHARU**.
8. Pengurus Besar,
KESEDAR, Kota Bharu, **KELANTAN**.
9. Pengarah YAKIN,
Kota Bharu, **KELANTAN**
10. Pengurus Lembaga Urusan dan Tabong Haji
Kelantan, **KOTA BHARU**.

BORANG PERMOHONAN MEMILIKI DAN/ATAU MEMAJUKAN TANAH

Nama Agensi:.....

Alamat:.....

.....
.....

Bertarikh:.....

YABrs. Tuan Pemungut Hasil Tanah,

.....
.....

Tuan,

Permohonan Memilik Dan/* Atau Memajukan Tanah Di Kawasan

Dengan hormatnya saya bagi pihak.....
Memohon kelulusan Pihak berkuasa Negeri Kelantan untuk memiliki dan/*atau memajukan tanah di kawasanjajahan.....
Seluas.....hektar di bawah Kanun Tanah Negara 1965/*Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-Ramai) 1960.

2. *.....ditubuhkan di bawah Akta/.....dan mengikut Seksyen.....Akta tersebut.....boleh memiliki harta tak alih.

3. *Tanah ini akan dimajukan pada tahunRancangan ini akan menempatkan seramai.....orang peneroka dan tanaman utamanya ialah.....

4. Bersama ini disertakan tujuh salinan pelan tapak tanah yang dipohonkan itu dan No. syit topo bagi kawasan ini ialah.....

sekian, terima kasih.

Yang menurut perintah,

s.k.

YABrs. Tuan Pengarah Tanah & Galian,
Kelantan, KOTA BHARU
(Pelan tapak disertakan)

Tandatangan.....

Jawatan:.....

*Potong yang mana tidak berkenaan

LAMPIRAN ‘B’

DOKUMEN INI IALAH HAKMILIK KERAJAAN KELANTAN

JENIS: SULIT

MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

FAIL: _____

KERTAS BIL: _____

RANCANGAN KEMAJUAN TANAH DI.....
.....OLEH.....

1. TUJUAN

Kertas ini disediakan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bagi memberimilik dan/*atau memajukan tanah di kawasan.....
Jajahan.....seluas.....hektar
oleh.....di bawah Kanun Tanah Negara
1965/*Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960.

2. LATARBELAKANG

2.1 Pada.....Pejabat ini menerima permohonan daripadauntuk memiliki dan/* atau memajukan tanah seluas.....hektar di kawasan.....sebagaimana yang bertanda.....di atas pelan di kandungan () fail ini.

2.2 Agensi ini telah ditubuhkan pada tahun.....di bawah Akta(Act...../.....). Mengikut SekAkta ini,boleh memiliki harta alih dan tak alih/*memajukan tanah Kerajaan.

2.3 Tanah ini akan dimajukan pada tahun dan akan diterokai oleh seramai lebih kurang orang peneroka. *Tiap-tiap peneroka akan diberi kawasan tanaman seluas hektar dan kawasan tapak rumah seluas hektar. Tanaman utama dirancangan ini ialah

3. **PANDANGAN:**

3.1 **Jabatan Kerajaan Yang Terlibat**

3.1.1 Jabatan Perhutanan Kelantan [Kandungan () Fail ini]

3.1.2 Jabatan Galian Wilayah Timur [Kandungan () Fail ini]

3.1.3 Jabatan Pertanian Kelantan [Kandungan () Fail ini]

3.1.4 Jabatan Parit dan Talair Kelantan [Kandungan () Fail ini]

3.1.5 Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Kelantan [Kandungan () Fail ini]

3.1.6 Jabatan Orang Asli Kelantan [Kandungan () Fail ini]

3.2 **Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah dan Jajahan**

4. PENGESYORAN:

4.1 Pemungut Hasil Tanah Kelantan mengesyorkan supaya tanah Kerajaan di kawasan seluas lebih kurang hektar sebagaimana bertanda dengan warna Di atas pelan di kandungan () dalam fail ini diterima milik dan/* atau dimajukan oleh dengan syarat-syarat berikut:

*4.1.1 Tanah ini akan dimajukan di bawah Akta tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 dan syarat-syaratnya akan ditentukan oleh Pihak Berkusa Negeri dan Lembaga Kemajuan yang berkenaan mengikut Sek. 34 Akta tersebut.

*4.1.2. Tanah ini akan diberimilik di bawah Kanun Tanah Negara 1965, dan syaratnya adalah seperti berikut :-

- | | | |
|---------------------------|---|--|
| 4.1.2.1 Jenis Hakmilik: | - | |
| 4.1.2.2 Jenis Kegunaan: | - | Pertanian |
| 4.1.2.3 Harga Tanah: | - | Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966. |
| 4.1.2.4 Hasil Tahunan: | - | Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966. |
| 4.1.2.5 Upah Ukur: | - | Mengikut kadar yang terjadual di bawah perenggan 4(2) Perintah KTN. (Bayaran Ukur) 1965 – L.N. 486/65 dan P.U.(A) 438/75 |
| 4.1.2.6 Lain-lain Bayaran | - | Mengikut kadar yang terjadual di bawah Peratutan Tanah Kelantan 1966. |

4.1.2.7 Syarat Nyata

Tanah yang tersebut di dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk penanaman Sahaja.

4.1.2.8 Sekatan Kepentingan

Tanah yang tersebut di dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, atau digadai melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pihak Berkusa Negeri.

4.2. Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.....
.....
.....

5. **KEPUTUSAN:**

Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah untuk menimbangkan dan memutuskan sama ada bersetuju atau tidak dengan pengesyoran di para 4 di atas.

Disediakan Oleh:
.....
.....

Disemak Oleh:
.....
.....

Bertarikh:

.....
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

- Potong jika tidak berkenaan